

26/10/1999

Guru kena tindakan jika terbukti salah

KUALA LUMPUR, Isnin - Kementerian Pendidikan dalam proses mengambil tindakan terhadap guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Jabi, Pokok Sena, Kedah yang dikenal pasti menyediakan kertas soalan Matematik berunsur politik dengan tujuan menimbulkan kebencian pelajar terhadap kerajaan dan pemimpin.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata kementerian itu perlu menyediakan tuduhan serta surat tunjuk sebab terlebih dahulu, sebelum sebarang tindakan boleh diambil terhadap guru berkenaan.

Katanya, tindakan hanya boleh dikenakan ke atas guru berkenaan jika terbukti beliau disabitkan dengan kesalahan yang dinyatakan.

"Oleh kerana guru adalah kakitangan tetap kerajaan, maka kita perlu mengikut prosedur. Ini tidak boleh diketepikan begitu saja kerana jika tidak, kerajaan boleh disaman oleh guru berkenaan.

"Oleh itu, kita perlu ikut peraturan. Jika sabit kesalahan, barulah tindakan dan hukuman boleh dijatuhkan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan amanat sempena program lawatan pelajar institusi pengajian tinggi awam ke Jepun di Kementerian Pendidikan, hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di akhir lawatan dua hari ke Kedah, Jumaat lalu mendedahkan ada guru di negeri itu sengaja menyediakan soalan berunsur politik bagi memburukkan pemimpin kerajaan dan beliau mempunyai bukti set soalan Matematik yang dirangka oleh guru itu.

Sabtu lalu, Pejabat Perdana Menteri mengedarkan salinan kertas soalan ujian bulanan itu kepada media manakala di Kedah pula, dilaporkan guru terbabit sudah dipanggil menemui Pengarah Pendidikan Kedah, Hassan Hashim dan mengaku membuat soalan berkenaan tetapi hanya untuk `berjenaka'.

Najib mengakui kementerianya ada mendengar dakwaan kononnya ada beberapa guru lain terbabit dalam kegiatan menghasut pelajar seperti bertindak menyuruh pelajar yang menyokong kerajaan mengangkat tangan ketika di dalam kelas.

Bagaimanapun, katanya, disebabkan semua dakwaan itu tidak disertai dengan bukti, menyebabkan tindakan tidak dapat diambil kepada guru terbabit.

Sehubungan itu, beliau menyarankan supaya pelajar dan orang ramai yang mengetahui kewujudan perbuatan sedemikian tampil mendedahkannya bagi memudahkan tindakan diambil.

"Jika ada bukti nyata, kita tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap mereka yang melanggar peraturan. Pada masa yang sama usaha untuk berjumpa dan memberi penjelasan secara konstruktif terhadap guru akan terus dilakukan," katanya.

Di MELAKA, Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr Fong Chan Onn, berkata guru yang menyelitkan unsur politik dalam kertas ujian bulanan Matematik itu akan ditukar ke sekolah lain yang jauh.

Ini berikutan, siasatan yang dijalankan membuktikan guru terbabit bersalah dengan menyalahgunakan profesion perguruan.

Beliau berkata, kementerianya sudah pun mengeluarkan arahan supaya guru terbabit ditukarkan ke sekolah lain.

Bagaimanapun, beliau enggan menyatakan sekolah yang akan ditempatkan guru terbabit bertugas tetapi sekadar menjelaskan jauh-jauh.

(END)